



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 MAC 2021 (SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- Kes naharu bawah 2000 berlanjutan seminggu 6

**Sinar Harian**

- Majoriti ditahan dalam tempoh empat tahun adalah penjawat awam 12



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 MAC 2021 (SABTU)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kes naharu bawah 2000 berlanjutan seminggu
Muka Surat	

Penularan COVID-19

# Kes baharu bawah 2,000 berlanjutan seminggu

Jumlah pesakit pulih lebih tinggi berbanding kadar jangkitan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Trend penurunan kes positif COVID-19 di bawah 2,000 sudah berterusan seminggu apabila semalam, sebanyak 1,575 jangkitan baharu dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif mencecah 320,939 yang mana 17,074 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 1,568 kes berkenaan adalah penularan tempatan membabitkan 1,269 (80.9 peratus) rakyat Malaysia dan 299 (19.1 peratus) lagi warga asing.

"Baki tujuh jangkitan baharu adalah kes import membabitkan seorang rakyat Malaysia dan enam warga asing.

"Tiga kematian baharu akibat COVID-19 direkodkan semalam membabitkan dua warganegara dan seorang warga asing. Ia membawa kepada jumlah kumulatif 1,203 kes (0.37 peratus), hingga kini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Seramai 147 pesakit pula sedang dirawat di Unit Rawatan rapi (ICU) dengan 67 memerlukan alat bantuan pernafasan. Dalam pada itu, seramai 2,042 pesakit COVID-19 sembuh semalam menjadikan jumlah kumulatifnya sebanyak 302,662 kes (94.3 peratus).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, satu kluster membabitkan jangkitan di tempat kerja kini sudah dikesan di enam negeri.

"Kluster Jalan Laksamana dikesan membabitkan satu program latihan yang dijalankan di Manjung, Perak antara 22 hingga 26 Februari lalu.

"Semua kes indeks dalam kluster itu dikesan positif COVID-19 pada 3 Mac lalu hasil saringan rentas negeri.

"Kluster tempat kerja ini membabitkan daerah Manjung dan Kuala Kangsar di Perak; daerah Lembah Pantai dan Kepong di Kuala Lumpur; daerah Kota Belud di Sabah; daerah Bachok di Kelantan; daerah Kuala Nerus di Terengganu serta daerah Timur Laut di Pulau Pinang.

"Dua kes indeks bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mac lalu hasil saringan rentas negeri.

"Kes dalam kluster ini mempunyai sejarah menghadiri latihan yang dijalankan dari 22 Februari sehingga 26 Februari 2021 di Manjung, Perak.

"Hingga hari ini (semalam), 59 individu sudah disaring, yang mana 23 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selain itu, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan tiga kluster berkaitan komuniti di Sarawak iaitu Kluster Jalan Main Bazaar (Sri Aman); Kluster Sena (Miri dan Subis) dan Kluster Buloh Pasi (Meradong).

Setakat ini, 1,232 kluster direkodkan, termasuk 10 dilaporkan semalam, manakala 792 kluster sudah ditamatkan, termasuk 10 kluster yang tamat semalam.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang medianya berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah dan kuarters kakitangannya di Kinta, Perak ditamatkan hari ini mengikut jadual. Ia susulan KKM mengesahkan ada penurunan kes, kluster terkawal, semua kes positif serta kontak rapat diasingkan.

"Hingga kini, KKM melaksanakan 774 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 457 kes dilaporkan di lokaliti itu.

"Selepas membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan atas nasihat daripada KKM, kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di pusat itu pada 13 Mac seperti dijadualkan," katanya.

BH 13/3/2021 WSG



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 MAC 2021 (SABTU)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Majoriti ditahan dalam tempoh empat tahun adalah penjawat awam
Muka Surat	12

## Majoriti ditahan dalam tempoh empat tahun adalah penjawat awam

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati majoriti individu yang ditangkap berhubung kes rasuah sejak lebih empat tahun sehingga Februari lalu adalah dalam kalangan penjawat awam.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Shamsun Baharin Mohd Jamil berkata, berdasarkan statistik, daripada jumlah 4,023 tangkapan, 46.9 peratus atau 1,887 orang adalah penjawat awam.

"Disebabkan perkara itu, kerajaan mewujudkan Pelan Anti Rasuah Nasional kerana salah satu isu yang kita hadapi adalah rasuah dalam kalangan penjawat awam.

"Kalau kita kaitkan kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International yang berpusat di Berlin (juga) melihat isu rasu-

ah dalam kalangan sektor awam," katanya.

Beliau berkata demikian selaku panelis pada Wacana *Sinar Harian* Edisi Ke-238 bertajuk 'Kalau sayangkan negara kenapa sanggup rasuah?' yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* pada malam Khamis.

Mengulas lanjut, Shamsun Baharin mengakui pihak luar ataupun masyarakat mempunyai jangkaan yang tinggi kepada SPRM dalam membanteras amalan rasuah namun SPRM mempunyai kekangan dari segi guna tenaga dan juga bajet.

"Kalau dikira seluruh Malaysia, kita ada 2,600 orang kakitangan sahaja. Itu kita kira pelbagai peringkat termasuk



SHAMSHUN BAHARIN

SH 13/3/2021 ms r  
kumpulan sokongan.

"Malah jika dilihat di sektor operasi pula, kita hanya ada lebih kurang 600 orang sahaja yang melakukan tugas-tugas siasatan," katanya.

Begitupun, Shamsun Baharin berkata, SPRM sentiasa mencuba untuk melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin.

"Sebab itu sebenarnya apabila *Sinar Harian* mewujudkan Rasuah Busters ini kita amat menyokong penuh. Sebab bagi kita kalau nakkal kejayaan perlu ada kebersamaan daripada semua pihak.

"Jadi, kita mengharapkan agar SPRM tidak berseorangan dalam melakukan tugas untuk membanteras rasuah dan salah guna kuasa dalam negara kita,"

katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, Shamsun Baharin berkata, akta berkenaan memberi jaminan untuk melindungi pemberi maklumat berkenaan kes rasuah.

"Tetapi isu yang selalu kita hadapi sebenarnya bukan mereka takut (memberi maklumat) tetapi apa yang berlaku kadang-kadang bila mereka memberi maklumat kepada suatu agensi penguatkuasa, selepas itu mereka bercerita kepada orang lain.

"Dari segi peruntukan undang-undang, bila kita telah memberi (maklumat) kepada agensi penguatkuasa, kita tidak boleh bercerita kepada orang lain," katanya.

Menurutnya, sekiranya individu berkenaan bercerita kepada orang lain, maka perlindungan berkenaan akan terbatal.